

## DASAR-DASAR PELAKSANAAN MS ISO 9001:2000 DALAM PERKHIDMATAN AWAM

- Semua agensi Kerajaan boleh beralih untuk melaksanakan MS ISO 9001:2000 mulai tahun 2003.
- Mulai tahun 2003, MAMPU tidak lagi menerima permohonan untuk menjalankan pengauditan berdasarkan MS ISO 9000:1994.
- Agensi-agensi Kerajaan boleh mendapat latihan pendedahan, penyediaan dokumen dan Audit Dalaman yang diperlukan daripada INTAN.
- Agensi-agensi Kerajaan boleh melantik Syarikat Perunding Swasta untuk tujuan latihan pendedahan, penyediaan dokumen dan Audit Dalaman. Syarikat berkenaan hendaklah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2006. Senarai Syarikat-Syarikat Perunding Swasta tersebut boleh diperolehi daripada laman web MAMPU di <http://www.mampu.gov.my/>
- Bagi agensi-agensi yang pertama kali melaksanakan MS ISO 9000, skop pelaksanaan perlu berdasarkan fungsi utama organisasi dan perlu diluluskan oleh pihak pengurusan atasan agensi sebelum dikemukakan kepada MAMPU.
- Agensi-agensi Kerajaan boleh melantik Badan Persijilan Swasta bagi tujuan pengauditan untuk persijilan MS ISO 9001:2000. Badan Persijilan Swasta berkenaan hendaklah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan juga diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002. Pelantikan Badan Persijilan Swasta perlu dimaklumkan kepada MAMPU. Senarai Badan Persijilan Swasta yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia boleh juga didapati daripada Laman Web MAMPU (<http://www.mampu.gov.my/>); dan
- Segala kos yang terlibat dengan pelantikan Syarikat Perunding Swasta dan Badan Persijilan Swasta perlu dibiayai sendiri oleh agensi. Urusan pelantikan hendaklah mematuhi semua peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.